



**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 37 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PROGRAM SANGKUT
PENYELIDIKAN
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar

5 Ogos 2021 | 26 Zulhijjah 1442H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 (65)

5 OGOS 2021
26 ZULHIJAH 1442H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2021

GARIS PANDUAN PROGRAM SANGKUT PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf mengenai Garis Panduan Program Sangkut Penyelidikan bagi penyelidik yang menjalankan penyelidikan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 1.2 Pemakluman ini adalah selaras dengan perakuan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 1 Tahun 2020 pada 14 Februari 2020 dan kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2020 pada 25 Februari 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program sangkut penyelidikan merupakan salah satu program Universiti yang dirancang dalam memastikan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) dapat dicapai.
- 2.2 Garis Panduan Sangkut Penyelidikan UTeM ini adalah khusus untuk memenuhi keperluan program penyelidikan yang melibatkan:-
 - a) Staf Industri/Institusi dari luar UTeM ke UTeM;
 - b) Staf Universiti dari luar UTeM ke UTeM atau Staf UTeM ke Industri/Institusi/Universiti Luar;

- c) Pasca Doktorat yang ingin melakukan penyelidikan di UTeM (skim ini tidak sama seperti Skim Pasca Doktorat UTeM yang melibatkan pembayaran elaun daripada UTeM); dan
- d) Pelajar dari luar UTeM ke UTeM atau Pelajar UTeM ke Industri/Institusi /Universiti Luar.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pelaksanaan Program Sangkut Penyelidikan adalah berdasarkan garis panduan di Lampiran 1.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 25 Februari 2020

Sekian, terima kasih

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia
Melaka

GARIS PANDUAN SANGKUT PENYELIDIKAN**1. PENDAHULUAN**

- (a) Program Sangkut Penyelidikan merupakan salah satu program Universiti yang dirancang untuk memastikan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara seperti yang dihasratkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan- Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) dapat dicapai.
- (b) Program ini dapat memberi impak kepada staf, pelajar, Universiti dan Negara dalam merencana penyelidikan dan khidmat profesional pada masa hadapan dengan membina ahli profesional yang mempunyai perspektif global agar berupaya menyelesaikan masalah - masalah ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan.
- (c) Program Sangkut Penyelidikan dapat memartabatkan jenama dan imej Universiti di mata dunia. Program ini juga akan menyemarakkan lagi usaha-usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.
- (d) Faedah kepada industri / institusi / universiti yang menyertai program ini adalah seperti berikut:-
 - (i) Berpeluang merasai pengalaman penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara atau luar negara;
 - (ii) Berpeluang untuk merasai budaya dan kehidupan di negara asing di dalam suasana yang berlainan;
 - (iii) Berpeluang untuk memahami budaya penyelidikan baharu dengan kepakaran dan fasiliti penyelidikan termaju selain membina konteks yang lebih luas dengan suasana penyelidikan, persekitaran dan budaya yang berbeza;
 - (iv) Berpeluang menjalin hubungan persahabatan dan rangkaian (*networking*) dengan pakar penyelidik luar, industri, institusi dan juga universiti luar;

- (v) Memperkaya pengalaman dalam penyelidikan;
 - (vi) Meningkatkan prospek kebolehkerjaan terutamanya di dalam pasaran antarabangsa;
 - (vii) Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris atau bahasa asing lain; dan
 - (viii) Berpeluang mewakili Universiti serta negara selaku 'Duta Kecil' dan seterusnya meningkatkan kematangan dan keyakinan diri serta kebolehan akademik.
- (e) Penyelidik bermaksud terdiri daripada Staf Industri, Staf Institusi, Staf Universiti, Pasca Doktorat dan juga pelajar.

2. PENJELASAN MENGENAI PROGRAM SANGKUT PENYELIDIKAN

- (a) Program Sangkut Penyelidikan melibatkan penempatan industri / institusi / universiti secara penyelidikan dari sebuah Universiti ke sebuah Universiti yang lain sama ada Universiti di dalam atau luar negara bagi satu tempoh masa yang tertentu.
- (b) Program ini tidak melibatkan aktiviti akademik seperti pemindahan kredit atau berkaitan dengan status akademik.
- (c) **Program Sangkut Penyelidikan secara Outbound (*Out-bound Research Attachment*)** merujuk kepada penempatan atau pertukaran staf / pelajar UTeM ke Industri / Institusi / Universiti lain, yang mana UTeM adalah Universiti Asal (*Home University*) manakala Industri / Institusi / Universiti lain yang mana staf / pelajar ditempatkan dikenali sebagai Industri / Institusi / Universiti Hos (*Host Industry / Institution / University*).
- (d) **Program Sangkut Penyelidikan secara Inbound (*In-bound Research Attachment*)** merujuk kepada penempatan atau pertukaran staf Industri / Institusi / Universiti lain ke UTeM, di mana UTeM adalah Universiti Hos (*Host University*) manakala staf Industri / Institusi / Universiti bekerja atau belajar sebagai Industri / Institusi / Universiti Asal (*Home Industry / Institution / University*).

- (e) Penyelidik ini akan diselia oleh penyelia di Universiti Hos dan menjalankan penyelidikan di tempat yang ditetapkan dalam masa yang ditentukan. Selain itu, penyelidik ini juga boleh mengambil kursus atau bengkel di Universiti Hos bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan sahaja tetapi perlu mendapat persetujuan penyelia dan perlu memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Universiti Hos.
- (f) Secara umum, terdapat dua (2) kategori pelaksanaan sangkut penyelidikan UTeM iaitu:-

(i) Sangkut Penyelidikan bersifat Timbal Balik (*Reciprocal*)

- (a) Staf Industri / Institusi / Universiti di Universiti lain yang lazimnya, terdapat perjanjian terdahulu seperti Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara UTeM dengan Industri / Institusi / Universiti Hos tersebut. Pertukaran staf Industri / Institusi / Universiti boleh berlaku dan bersifat timbal balik (*reciprocal*) di mana staf Industri / Institusi / Universiti akan menjalani penyelidikan di Universiti Hos manakala staf Industri / Institusi / Universiti Hos pula akan menjalani penyelidikan di UTeM mengikut masa yang ditetapkan. Jumlah staf / pelajar yang dihantar ke Universiti Hos dan diterima oleh UTeM adalah sama bilangannya.

(ii) Sangkut Penyelidikan bersifat Bukan Timbal Balik (*Non Reciprocal*)

- (a) Adalah berdasarkan persetujuan antara UTeM dengan Industri / Institusi / Universiti lain. Bagi kes ini, hanya satu pihak sahaja yang menghantar staf atau jumlah staf Industri / Institusi / Universiti yang dihantar tidak sama dengan jumlah staf dari Universiti Hos yang diterima. Pertukaran penyelidik di sini bersifat *non-reciprocal*.
- (g) Garis Panduan ini menggariskan tatacara bagi **Program Sangkut Penyelidikan UTeM** sama ada ia bersifat timbal balik (*reciprocal*) atau bukan timbal balik (*non reciprocal*).

3. SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA OUTBOUND / *RESEARCH ATTACHMENT* (OUTBOUND)

(a) Syarat Memohon

- (i) Penyelidik mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) Bagi penyelidik pelajar yang berstatus aktif di UTeM adalah layak untuk memohon;
- (iii) Penyelidik hendaklah berstatus aktif semasa membuat permohonan;
- (iv) Penyelidik mestilah sihat tubuh badan dan tidak menghadapi sebarang sakit kronik;
- (v) Penyelidik hendaklah menguasai kemahiran bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris dengan baik;
- (vi) Bagi pelajar mestilah mempunyai rekod pencapaian *Progress Report* yang baik dan hendaklah bebas dari sebarang pertuduhan tatatertib sebelum mengikuti program. Pelajar mestilah berupaya menjaga nama baik dan imej UTeM di sepanjang program;
- (vii) Penyelidik mampu untuk membiayai sendiri kos-kos lain yang tidak ditanggung oleh UTeM;
- (viii) Permohonan mestilah dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan dan menggunakan borang yang telah disediakan beserta lampiran yang lengkap. Sekiranya tidak memenuhi keperluan permohonan, pihak Universiti berhak untuk menolak permohonan penyelidik.
- (ix) Penyelidik perlu memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Universiti Hos.

(b) Kaedah Memohon

Mana-mana penyelidik UTeM layak yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam program hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Pengarah CRIM menggunakan borang yang disediakan. Hanya penyelidik yang diluluskan sahaja yang dibenarkan mengikuti program ini.

(c) Tempoh Program Sangkut Penyelidikan

Tempoh yang dibenarkan bagi penyelidik UTeM menjalani program Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* ialah minimum **tiga (3) bulan sehingga satu (1) tahun sahaja**.

(d) Yuran Permohonan dan ‘Bench Fee’

- (i) Program Sangkut Penyelidikan secara timbal balik (*reciprocal*)
 - (a) Yuran permohonan dan ‘Bench Fee’ adalah bergantung kepada MoU (sekiranya ada) atau mengikut jumlah yuran permohonan dan ‘bench fee’ yang telah ditetapkan oleh Universiti Hos.
 - (b) Urusan pengangkutan bagi penyelidik, buku rujukan, dan item-item peribadi lain hendaklah ditanggung sendiri oleh penyelidik.
- (ii) Program Sangkut Penyelidikan secara bukan timbal balik (*non reciprocal*)
 - (a) Sekiranya terdapat, yuran-yuran lain ataupun implikasi kewangan di Universiti Hos, penyelidik mestilah menjelaskan sumber pembiayaan dalam borang permohonan.
 - (b) Urusan pengangkutan penyelidik, buku rujukan, dan item-item peribadi lain ditanggung sendiri oleh penyelidik.

(e) Implikasi Kewangan

- (i) Semua penyelidik dinasihatkan meneliti implikasi kewangan dan memastikan mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan semasa mengikuti program ini.

(f) Menarik diri dari Program Sangkut Penyelidikan

- (i) Penyelidik yang telah memulakan sangkut penyelidikan di Universiti Hos **tidak** dibenarkan menarik diri, **kecuali** setelah mendapat kebenaran khas TNCPi di UTeM. Surat penamatan sangkut penyelidikan daripada Universiti Hos juga hendaklah disertakan untuk pemakluman kepada pihak UTeM.

- (ii) Bagi penyelidik ini yang telah diluluskan bantuan kewangan daripada UTeM, semua wang bantuan yang telah diterima hendaklah dikembalikan kepada UTeM.

(g) Insurans

- (i) Semua penyelidik yang mengikuti program Program Sangkut Penyelidikan mesti mempunyai insurans perubatan untuk menampung kos perubatan yang mungkin timbul dan kos insurans tersebut perlu ditanggung sendiri oleh penyelidik.

(h) Pengangkutan dan Visa

Penyelidik bertanggungjawab untuk mendapatkan visa serta dokumen kemasukan (jika berkaitan) sebelum mereka bertolak. Pejabat Antarabangsa UTeM akan membantu penyelidik berkenaan untuk menyediakan dokumen perjalanan dan proses mendapatkan visa (di mana bersesuaian).

(i) Penamatan Program

- (i) UTeM berhak untuk menamatkan program Sangkut Penyelidikan sekiranya mendapati penyelidik melanggar mana-mana peraturan tata tertib Universiti Hos.
- (ii) Bagi kes penamatan awal kepada penyelidik UTeM, sekiranya penyelidik telah diluluskan bantuan kewangan daripada pihak UTeM, semua wang bantuan tersebut hendaklah dikembalikan kepada UTeM.
- (iii) Sekiranya penyelidik telah tamat menjalani Program Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* mengikut tempoh yang ditetapkan, penyelidik perlu menghantar laporan hasil aktiviti penyelidikan yang dilakukan di UTeM dengan pengesahan penyelia dan Fakulti dan dilaporkan ke JKTSPi melalui CRIM.
- (iv) Penyelidik perlu bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Industri / Institusi / Universiti Hos dan Universiti Asal berkenaan hal ini.

4. SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA *IN-BOUND* / *INBOUND RESEARCH ATTACHMENT*

(a) Syarat Memohon

- (i) Pemohon atau penyelidik terdiri daripada staf Industri / Institusi / Universiti yang berstatus aktif di Industri / Institusi / Universiti masing-masing kecuali bagi pasca doktoral yang telah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari universiti atau institusi dari dalam atau luar negara;
- (ii) Penyelidik mestilah sihat tubuh badan dan tidak menghidapi sebarang sakit kronik;
- (iii) Penyelidik mestilah menguasai kemahiran bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris dengan baik;
- (iv) Penyelidik mampu untuk membiayai sendiri kos-kos lain yang tidak ditanggung;
- (v) Penyelidik mestilah bebas dari sebarang rekod jenayah;
- (vi) Penyelidik mestilah dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan dan menggunakan borang yang telah disediakan beserta lampiran yang lengkap. Sekiranya tidak memenuhi keperluan permohonan, pihak Universiti berhak untuk menolak permohonan penyelidik;
- (vii) Penyelidik perlu mengemukakan kelulusan menjalani program sangkut penyelidikan daripada Industri / Institusi / Universiti Asal;

(b) Kaedah Memohon

- (i) Bagi program Sangkut Penyelidikan secara Inbound, penyelidik luar UTeM yang layak memohon, hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Pengarah CRIM menggunakan borang yang disediakan. Hanya penyelidik yang diluluskan sahaja yang dibenarkan mengikuti program ini.
- (ii) Setelah ditapis mengikut kriteria yang telah ditetapkan, permohonan ini akan diserahkan kepada Fakulti dan PTj yang dipertanggungjawabkan bagi tujuan pengesahan / perakuan. Fakulti perlu mengesahkan dan mendapatkan kelulusan di peringkat JKTSPi;

(c) Tempoh Program Sangkut Penyelidikan

Tempoh yang dibenarkan bagi penyelidik menjalani program Sangkut Penyelidikan ialah minimum tiga (3) bulan sehingga satu (1) tahun sahaja.

(d) Yuran Permohonan dan 'Bench Fee'

- (i) Program Sangkut Penyelidikan secara timbal balik (*reciprocal*)
 - (a) Yuran permohonan dan '*bench fee*' adalah bergantung kepada MoU (sekiranya ada) atau mengikut jumlah yuran permohonan dan '*bench fee*' yang telah ditetapkan oleh Universiti Hos (rujuk Jadual 1).
Walau bagaimanapun, jika penyelidik menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Universiti Hos, contohnya asrama, semua kos dan perbelanjaan bagi keperluan khas penyelidik tersebut hendaklah ditanggung sendiri oleh penyelidik;
 - (b) Urusan pengangkutan penyelidik, buku rujukan, dan item-item peribadi lain ditanggung sendiri oleh penyelidik;
- (ii) Program Sangkut Penyelidikan secara bukan timbal balik (*non reciprocal*)
 - (a) Sekiranya terdapat, yuran-yuran lain ataupun implikasi kewangan di Universiti Hos, calon mestilah menjelaskan sumber pembiayaan dalam borang permohonan.
 - (b) Urusan pengangkutan penyelidik, buku rujukan, dan item-item peribadi lain ditanggung sendiri oleh pelajar.
- (iii) Semua pembayaran yuran permohonan dan '*bench fee*' hendaklah dibayar secara penuh semasa pendaftaran.
- (iv) Bagi penyelidik yang telah menarik diri ataupun tidak menamatkan program sangkut penyelidikan, bayaran yuran dan '*bench fee*' yang telah dijelaskan tidak akan dipulangkan.

Jadual 1: Cadangan Yuran Permohonan dan *Bench Fee* bagi Program Sangkut
Penyelidikan secara *In-bound* di UTeM

Jenis Pembayaran	Pelajar / Staf / Pasca Doktorat Tempatan	Pelajar / Staf / Pasca Doktorat Staf / Pasca Doktorat Antarabangsa	Industri (Tempatan)	Industri (Antarabangsa)
Yuran Pemprosesan (termasuk kad pelajar/staf)	RM 300	RM 500	RM 500	RM 1000
<u>Bench Fee</u> (Bidang Kejuruteraan, ICT,)	RM 1200/ tahun RM 100 / bulan	RM 2400 / tahun RM 200 / bulan	RM 4800 / tahun RM 400 / bulan	RM 9600 / tahun RM 800 / bulan
Pengurusan dan Keusahawanan	RM 600/ tahun RM 50 / bulan	RM 1200/ tahun RM 100 / bulan	RM 2400 / tahun RM 200 / bulan	RM 4800 / tahun RM 400 / bulan

***Nota:** Dikategorikan sebagai tempatan atau antarabangsa adalah mengikut alamat penyelidik di Industri / Institusi atau Universiti

(e) Implikasi Kewangan

- (i) Penyelidik dinasihatkan meneliti implikasi kewangan dan memastikan mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan semasa mengikuti program ini.

(f) Menarik diri dari program Sangkut Penyelidikan

- (i) Penyelidik yang sedang menjalani program sangkut penyelidikan di UTeM sebagai Universiti Hos **tidak** dibenarkan menarik diri, **kecuali** setelah mendapat kebenaran khas daripada Penyelia Fakulti dan disahkan oleh Dekan Fakulti di UTeM dan pemakluman kepada JKTSPi melalui Pengarah CRIM;
- (ii) CRIM bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Universiti dan juga Universiti Asal berkenaan hal ini;

(g) Insurans

- (i) Penyelidik luar UTeM yang menjalani Sangkut Penyelidikan secara '*Inbound*' juga perlu mempunyai insuran perubatan dan kos tersebut perlu ditanggung sendiri oleh penyelidik;

(h) Pengangkutan dan Visa

Penyelidik bertanggungjawab untuk mendapatkan visa serta dokumen kemasukan (jika berkaitan) sebelum mereka bertolak. Pejabat Antarabangsa UTeM akan membantu penyelidik berkenaan untuk menyediakan dokumen perjalanan dan proses mendapatkan visa (yang bersesuaian).

(i) Penamatan Program

- (i) UTeM berhak untuk menamatkan program Sangkut Penyelidikan secara *In-bound* sekiranya mendapati penyelidik melanggar mana-mana peraturan tata tertib Universiti;
- (ii) Sekiranya penyelidik telah tamat menjalani Program Sangkut Penyelidikan secara *In-bound* di UTeM mengikut tempoh yang ditetapkan, penyelidik perlu menghantar laporan hasil aktiviti penyelidikan yang dilakukan di UTeM dengan pengesahan penyelia dan Fakulti dan dilaporkan kepada JKTSPi melalui Pengarah CRIM;
- (iii) Fakulti bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Universiti dan Universiti Asal berkenaan hal ini.

5. CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PROGRAM SANGKUT PENYELIDIKAN

- (i) Carta alir proses Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* (Peringkat Permohonan dan Kelulusan) adalah seperti di **LAMPIRAN 1A**.
- (ii) Carta alir proses Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* (Peringkat Pelaksanaan) adalah seperti di **LAMPIRAN 1B**.
- (iii) Carta alir proses Sangkut Penyelidikan secara *In-bound* (Peringkat Permohonan dan Kelulusan) adalah seperti di **LAMPIRAN 1C**.
- (iv) Carta alir proses Sangkut Penyelidikan secara *In-bound* (Peringkat Pelaksanaan) adalah seperti di **LAMPIRAN 1D**.
- (vii) Borang Permohonan Program Sangkut Penyelidikan Secara *Out-bound* dan *In-bound* seperti di **LAMPIRAN 1E**.

6. TANGGUNGJAWAB PIHAK-PIHAK BERKAITAN

(a) Penyelidik UTeM (*Out-bound*)

- (i) Mendapatkan surat tawaran / jemputan menjalani penyelidikan di Industri / Institusi / Universiti Hos;
- (ii) Menyemak portfolio Industri / Institusi / Universiti Hos, kalendar pengajian serta mencadangkan calon penyelia di Industri / Institusi / Universiti Hos, perancangan aktiviti penyelidikan dan impak kepada calon;
- (iii) Membuat permohonan menggunakan borang yang ditetapkan;
- (iv) Membuat persiapan mental dan fizikal sebelum menjalani program;
- (v) Membuat persiapan kewangan yang sewajarnya termasuk memohon bantuan kewangan dari UTeM atau sumber yang dibenarkan oleh Universiti (jika perlu);
- (vi) Melaporkan diri kepada Penyelia / Fakulti / pihak yang berkuasa apabila tiba di Industri / Institusi / Universiti Hos;
- (vii) Mengikuti segala bentuk aktiviti penyelidikan yang telah dirancang di Industri / Institusi / Universiti Hos;
- (viii) Mematuhi segala peraturan dan undang-undang Industri / Institusi / Universiti Hos;
- (ix) Melapor diri semula kepada fakulti selepas **TUJUH (7)** hari di Universiti setelah selesai menjalani Program Sangkut Penyelidikan;
- (xi) Memulangkan semula wang bantuan kewangan yang diberikan oleh UTeM sekiranya terpaksa menamatkan diri atau ditamatkan daripada mengikuti program ini lebih awal; dan
- (xi) Membuat pembentangan hasil penyelidikan dibawah program ini secara bertulis kepada Penyelia dan Fakulti. Pemakluman hasil penyelidikan penyelidik ini perlu mendapat perakuan JKTSPI melalui pihak CRIM.

(b) Penyelidik Luar UTeM (*In-bound*)

- (i) Membuat permohonan menggunakan borang yang ditetapkan;
- (ii) Mendapatkan surat tawaran / jemputan menjalani penyelidikan di Universiti Hos (UTeM) dengan calon penyelia, perancangan aktiviti penyelidikan dan impak kepada calon.
- (iii) Menyediakan Perancangan Aktiviti Penyelidikan dengan mencadangkan nama calon penyelia di Universiti Hos;
- (iv) Membuat persiapan kewangan yang sewajarnya termasuk memohon bantuan kewangan dari pihak luar (jika perlu);
- (v) Melaporkan diri kepada Penyelia / Fakulti / CRIM / pihak yang berkuasa apabila tiba di Universiti Hos;
- (vi) Mengikuti segala bentuk aktiviti penyelidikan yang telah dirancang di Universiti Hos;
- (vii) Mematuhi segala peraturan dan undang-undang Universiti Hos;
- (viii) Melapor diri kepada Fakulti **TUJUH (7)** hari sebelum tarikh selesai menjalani Program Sangkut Penyelidikan bagi tujuan penamatan program;
- (x) Menghantar laporan hasil penyelidikan dibawah program ini secara bertulis kepada Penyelia dan Fakulti. Pemakluman hasil penyelidikan pelajar ini perlu mendapat perakuan JKTSPI melalui CRIM;

(c) Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM)

- (i) Menguruskan semua permohonan bagi Program Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* dan *In-bound* di UTeM;
- (ii) Menerima dan mengagihkan borang permohonan daripada penyelidik kepada Fakulti / PTj untuk memberi perakuan untuk dipertimbangkan kelulusan untuk menjalani program ini;

- (iii) Melaporkan segala aktiviti Program Sangkut Penyelidikan ini ke JKTSPi.
- (iv) Mengeluarkan surat tawaran dan penamatan kepada penyelidik yang mengikuti program sangkut penyelidikan secara *Out-bound* dan *In-bound* di UTeM;

(d) Fakulti / Institut / Pusat Tanggungjawab

- (i) Membuat semakan permohonan dan pemetaan penyelidikan yang akan diikuti oleh penyelidik (calon *In-bound* atau *Out-bound*) di Universiti Hos;
- (ii) Bagi permohonan calon *In-bound*, Fakulti perlu mencadangkan nama penyelia yang sesuai.
- (iii) Menasihati penyelidik UTeM yang ingin mengikuti *Out-bound*, tentang pemilihan aktiviti, tempat penyelidikan dan penyelia yang dicadangkan di Universiti Hos;
- (iv) Memberi perakuan kepada penyelidik-penyelidik yang layak dipertimbangkan kelulusan untuk menjalani program ini;
- (v) Menimbangkan dan perakuan permohonan menarik diri program ini tertakluk kepada perkara-perkara yang dibenarkan;
- (vi) Mendapatkan laporan hasil aktiviti penyelidikan oleh penyelidik yang menjalani Program Sangkut Penyelidikan sama ada secara *In-bound* ataupun *Out-bound*;
- (vii) Menyediakan pelaporan pemakluman bagi penyelidik yang mengikuti Program Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound* atau *In-bound* bagi perakuan JKTSPi melalui CRIM;

(e) Pejabat Antarabangsa


- (i) Menguruskan permohonan dokumen perjalanan diri serta visa;
- (ii) Memberikan taklimat kepada penyelidik UTeM sebelum penyelidik menjalani program Sangkut Penyelidikan secara *Out-bound*;
- (iii) Memberikan taklimat kepada penyelidik luar UTeM yang menjalani Program Sangkut Penyelidikan secara *In-bound*. Pihak Perpustakaan, PTj yang dipertanggungjawabkan, Fakulti dan PTj yang terlibat juga perlu bersama-sama dalam memberi maklumat ringkas kepada penyelidik ini;
- (iv) Memantau hal ehwal dan kebajikan penyelidik-penyelidik yang sedang menjalani program ini;


6. PENUTUP

Garis Panduan Sangkut Penyelidikan ini hendaklah dibaca bersama Peraturan Akademik Pascasiswazah dan Panduan Sistem Peraturan Akademik Universiti (Jika ada).


**CARTA ALIR PROSES SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA *OUT-BOUND*
(PERINGKAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN)**

Tanggungjawab







**CARTA ALIR PROSES SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA *OUT-BOUND*
(PERINGKAT PELAKSANAAN)**




**CARTA ALIR PROSES SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA *IN-BOUND*
(PERINGKAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN)**

Tanggungjawab





**CARTA ALIR PROSES SANGKUT PENYELIDIKAN SECARA *IN-BOUND*
(PERINGKAT PELAKSANAAN)**



Application Form**UTeM – Inbound / Outbound Research Attachment**

(Please complete, attach a copy of all the relevant documents with this form and submit to the faculty)

Applicant – Personal Details		Please Attach Passport Sized Photo Here				
Full Name (same as passport)						
Date of Birth		Age				
Gender		Nationality / Citizenship				
Identification Card / Passport No		Marital Status				
Expired Date :						
Home Address						
State / Country		Disability: *YES / NO If YES, please state:				
E-mail		Mobile No				
		Emergency Contact:				
Application – Education / Working Background						
Current University / Company / Institution		Level of Study				
Current Position (if available)						
Language Proficiency – English Language			Proficient		Moderate	Weak
Research Title						
Research Area						

Application – Attachment Details	
Proposed Duration (Month / Year)	
Start of date	End of date
Propose Faculty / Institute	Person-In-Charge / Supervisor
Brief Research Title and Abstract	
Research Group	
Benefits of research collaboration	
Main aspects of the research which will be undertaken (Please attach the outline work plan / Gantt Chart / Project Planning together with the form)	
What costs are likely to be incurred? How are these to be covered? (Please give the formal approval from the university)	
Applicant – Inter-Office Communication (Home University) (Please include the contact person from the Home University (International Office / Student Exchange) who is responsible for correspondence)	
Name of Correspondence	
Position	
Office / Department	
Correspondence address	
Phone Number	Email
Signature	Official Stamp

Student Declaration

I hereby declare that the information provided in this form is true.

Signature:	
Name:	Date:

Note that incomplete application form will not be processed.

TO BE COMPLETED BY FACULTY / INSTITUTE / CENTRE	
Comments by Dean / Deputy Dean of Research	
☐ Recommended	☐ Not Recommended
Signature & Official Stamp:	
Date:	
RECOMMENDATION BY DIRECTOR / DEPUTY DIRECTOR OF CRIM UTeM	
Comments by Director / Deputy Director of CRIM UTeM	
☐ Recommended	☐ Not Recommended
Signature & Official Stamp	
Date:	

Document Checklist

The following document must be submitted with the application form:

- ☐ 1 Copy of Official Academic Transcript / Academic records (Certified true copy)
- ☐ 1 Copy of English Language Certificate (e.g: TOEFL / IELTS), OR Endorsement Letter from the home university on student English competency (Certified true copy)
- ☐ Letter of Recommendation from Home University
- ☐ 1 Copy of passport (First Page) (Certified true copy)
- ☐ 1 Copy of photo with size 4.5 cm x 5.0 cm (White background)
- ☐ Application for Residential College in UTeM (Optional)

Please email or send your completed application forms to:

Centre For Research and Innovation Management (CRIM),
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal,
Melaka, Malaysia

Email : crim@utem.edu.my